

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]**

**SOALAN NO. 150**

Minta **MENTERI** menyatakan sebab-sebab doktor-doktor siswazah yang menjalani "housemanship" perlu bekerja lebih masa yang menyebabkan mereka tidak cukup rehat dan terpaksa bertugas dalam wad yang nisbah pesakit sangat tinggi berbanding doktor bertugas.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa prihatin dan mengambil berat terhadap isu berkenaan beban tugas Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) di hospital KKM. Sehubungan itu, KKM telah memperkenalkan Sistem Waktu Kerja Fleksi bagi menggantikan Sistem Waktu Kerja *On-Call* untuk PPS sejak 1 September 2011.

Pada 30 Januari 2019, penambahbaikan terhadap Sistem Waktu Kerja Fleksi menerusi penyeragaman pelaksanaan di Hospital Latihan Siswazah telah dibuat sekali lagi. Berikut merupakan prinsip am pelaksanaan sistem ini iaitu:-

- i. Purata waktu bertugas bagi PPS di setiap *posting* dikurangkan kepada 60-62 jam seminggu berbanding sebelum ini PPS perlu bertugas selama 90-120 jam seminggu;
- ii. PPS tidak dibenarkan bertugas secara berterusan melebihi tempoh 14 jam dalam satu-satu sesi tanpa diberikan rehat;

## NO SOALAN : 150

- iii. PPS juga tidak dibenarkan bertugas secara *double duty* pada hari yang sama;
- iv. PPS diberikan 1 hari penuh cuti mingguan / seminggu & tidak semestinya cuti tersebut jatuh pada hujung minggu;
- v. PPS diberikan cuti hari kelepasan am atau gantian kepada hari kelepasan am sekiranya mereka bekerja pada hari tersebut; dan
- vi. PPS diberikan *protected post night flexy off* jika melaksanakan tugas fleksi malam dan ia berada di bawah kelulusan Ketua Jabatan.

Namun, memandangkan perkhidmatan kesihatan perlu diberikan kepada masyarakat secara berterusan selama 24 jam setiap hari, jika terdapat bencana atau wabak pada satu-satu masa, maka petugas kesihatan termasuk juga doktor siswazah berkemungkinan perlu bertugas melebihi tempoh yang sepatutnya.

Sekian, terima kasih.